

**SOALAN-SOALAN LISAN
MESYUARAT KEDUA TAHUN KEEMPAT
DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN**

**PERSIDANGAN KEDUA
9 SEPTEMBER 2026 (RABU)**

1. YB DR NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

Super El Nino

Apakah pelan tindakan menyeluruh kerajaan negeri bagi menghadapi kemungkinan berlakunya fenomena Super El Nino yang dijangka memberi kesan kepada bekalan air, pertanian, kesihatan awam dan alam sekitar?

Apakah langkah mitigasi yang telah disediakan bagi membantu pesawah, pekebun kecil, penternak dan nelayan yang sangat berpotensi terjejas akibat kemarau yang berpanjangan?

2. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Berapakah jumlah terkini kuarters guru kosong di Negeri Perak mengikut daerah, termasuk kawasan Larut Matang & Selama?, Kuarters -kuarters guru yang kosong ini, adakah pihak kerajaan negeri telah mengadakan perbincangan rasmi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membenarkan kuarters kosong ini disewakan atau ditukar guna sebagai kediaman mampu milik kepada golongan B40?, Jika belum, apakah halangan utama sama ada dari segi dasar, perundangan atau kewangan yang menyebabkan kuarters tersebut tidak dapat dimanfaatkan untuk tujuan perumahan rakyat?

3. YB PUAN BAVANI A/P VERAIAH (MALIM NAWAR)

Dasar Menghadapi Status Negeri Tua (Ageing State) & Kesejahteraan Warga Emas

Perak mencatatkan peratusan populasi warga emas antara yang tertinggi di Malaysia, menjadikan isu penuaan (ageing population) satu cabaran struktur yang mendesak. Tanpa dasar awam dan perancangan infrastruktur tempatan yang komprehensif, aliran ini akan memberi tekanan hebat kepada perkhidmatan kesihatan, sistem sokongan sosial serta ekonomi domestik negeri.

SOALAN

Mohon penjelasan daripada pihak kerajaan negeri

a. Apakah status penggubalan Pelan Tindakan / Polisi Negeri Tua Perak yang inklusif dalam menyediakan infrastruktur bandar mesra warga emas (age-friendly cities) merentasi semua PBT di Negeri Perak?

b. Bagaimanakah Kerajaan Negeri merancang dasar pembiayaan dan sokongan kepada industri penjagaan (care economy), merangkumi pusat jagaan harian bertauliah dan latihan jururawat/penjaga khusus di peringkat komuniti?

c. Apakah insentif atau dasar khas yang disediakan bagi menggalakkan penyertaan semula golongan pesara dan warga emas yang masih produktif dalam aktiviti ekonomi mikro dan kemasyarakatan?

4. YB ENCIK MOHAMAD HUSAIRI BIN ARIFIN (KENERING)

Mohon YAB Menteri Besar menyatakan apakah pelan tindakan bersepadu Kerajaan Negeri bersama kementerian dan agensi berkaitan bagi membangunkan koridor pelancongan dari DUN Kenering hingga ke Pengkalan Hulu berteraskan UNESCO Global Geopark, termasuk penyediaan infrastruktur, kemudahan pelancong, promosi, pembangunan modal insan, pemerkasaan produk pelancongan berasaskan komuniti dan sokongan kepada usahawan tempatan, serta apakah sasaran dan impak ekonomi yang dijangka terhadap peningkatan pendapatan komuniti setempat di Daerah Hulu Perak?

5. YB ENCIK JASON NG THIEN YEONG (ASTAKA)

Tempat Parkir Hospital Seri Manjung

1. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambah tempat parkir di Hospital Seri Manjung?
2. Adakah sistem parkir bertingkat dan caj parkir akan diperkenalkan di Hospital Seri Manjung?
3. Sekiranya ya, adakah Kerajaan Negeri setuju bahawa pengenaan caj parkir berpotensi untuk menambah beban ekonomi kepada pesakit-pesakit?

6. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Masalah gangguan bekalan elektrik di Kamunting

1. Berapakah jumlah kejadian gangguan bekalan elektrik yang direkodkan di kawasan Kamunting bagi tahun 2025 dan sehingga Jun 2026?
2. Nyatakan punca gangguan ini berlaku

7. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

PROJEK NAIKTARAF PASAR AWAM

1. Apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi menaik taraf pasar awam di Negeri Perak sejak tahun 2023 sehingga kini?
2. Bagaimanakah usaha naik taraf pasar awam dapat membantu meningkatkan daya saing pasar awam serta menarik lebih ramai pengunjung?

3. Apakah penambahbaikan yang sedang dirancang bagi memastikan pasar awam terus relevan dengan perubahan keperluan pengguna pada masa hadapan?

8. YB ENCIK ZAFARULAZHAN BIN ZAN (KAMPONG GAJAH)

Memandangkan peningkatan aduan gangguan hidupan liar seperti kera, babi hutan dan gajah yang menjejaskan keselamatan penduduk serta aktiviti pertanian, apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam mengurus konflik manusia-hidupan liar secara bersepadu, termasuk kawalan populasi, perlindungan tanaman penduduk dan mekanisme pampasan kepada mangsa kerugian?

9. YB ENCIK AHMAD BIN MAN (KUALA SEPETANG)

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi membendung aktiviti pencerobohan tanah milik Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang semakin berleluasa, termasuk tindakan penguatkuasaan terhadap penceroboh serta usaha memastikan tanah-tanah kerajaan dimanfaatkan untuk kepentingan rakyat?

10. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Anjing liar. Saya mohon Kerajaan Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menangani isu anjing liar yang semakin membimbangkan di Daerah Bagan Datuk, khususnya yang boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan penduduk. Apakah tindakan serta perancangan jangka panjang yang akan dilaksanakan bagi memastikan permasalahan ini dapat ditangani secara berkesan dan berterusan?

11. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

Mohon dinyatakan statistik terkini kadar pengangguran belia di Negeri Perak mengikut daerah, serta anggaran peratusan graduan anak Perak yang terpaksa berhijrah ke luar Perak (seperti ke Pulau Pinang, Selangor, dan Singapura) bagi mendapatkan pekerjaan bersesuaian. Apakah tindakan jangka masa panjang kerajaan negeri untuk membendung isu pengangguran dan brain drain?

12. YB PUAN WASANTHEE A/P SINNASAMY (HUTAN MELINTANG)

Sumbangan NGO

Apakah mekanisme Kerajaan Negeri dalam menyalurkan geran atau bantuan kewangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Negeri Perak bagi melaksanakan program pembangunan komuniti?

1) Nyatakan berapakah jumlah geran yang telah disalurkan kepada NGO sepanjang tahun 2025 dan 2026?

13. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Apakah SOP dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri terhadap kebenaran aktiviti pengkuarian sepertimana yang tular baru-baru ini Gunung Pondok, Padang Rengas?

14. YB ENCIK SALLEHUDDIN BIN ABDULLAH (SELINSING)

Laporan terkini menyebut tentang penurunan SSR beras negeri Perak kepada 93 peratus. Apakah tindakan pihak kerajaan negeri untuk menangani penurunan ini dan apakah strategi kerajaan meningkatkan komoditi yang masih belum mencapai SSR 100 peratus?

15. YB ENCIK CHAW KAM FOON (MENGLEMBU)

PENGUNAAN PANEL SOLAR

a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk memasang panel solar di semua premis kepunyaan Kerajaan Negeri?

b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan bajet untuk memasang panel solar di semua premis Kerajaan Negeri secara berfasa bagi mengurangkan kos bil elektrik?

16. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Berapakah jumlah kes orang hilang di Negeri Perak pada tahun 2025, apakah SOP yang digunakan untuk mencari orang hilang dan bilakah pengistiharan kematian boleh dilakukan setelah orang hilang gagal ditemui?

17. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI KAWASAN PERUMAHAN

(a) Apakah usaha kerajaan membaik pulih kemudahan infrastruktur kawasan perumahan dalam DUN Manjoi yang menyebabkan jalan rosak dan mendap seperti yang berlaku di Desa Chemor Megah, Chemor Sejahtera, Laluan Merbau 3 Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 3, Taman Jati, Taman Klebang Jaya, hadapan Sekolah Kebangsaan Klebang Jaya, Klebang Ria dan Medan Klebang Restu ?

(b) Apakah usaha kerajaan menaik taraf kawasan perumahan tidak mempunyai sistem perparitan yang baik dalam DUN Manjoi seperti di Jalan Merak, Dato Ahmad Said Tambahan 2, Jalan Tempua, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2, RPT Batu 10, Chepor, RPT Batu 10, Chemor, Jalan Melor, Kampung Seri Klebang dan Kampung Tersusun Klebang Selatan ?

(c) Adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan lampu jalan di kawasan perumahan dalam DUN Manjoi seperti di Klebang Jaya, Jalan Tempua, Jalan Lebuhr Rajawali, Hala Jati Meru 29 dan Jalan Chepor Indah 3 ?

18. YB ENCIK AZMAN BIN NOH (PENGKALAN BAHARU)

Apabila kemudahan awam seperti tiang lampu jalan, lampu solar, papan tanda dan lain-lain perabot jalan rosak akibat dilanggar kenderaan, siapakah yang bertanggungjawab menanggung kos pembaikan? Adakah Kerajaan Negeri atau Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai peruntukan khas bagi kerja-kerja pembaikan tersebut, dan apakah mekanisme yang digunakan untuk mendapatkan semula kos daripada pihak yang menyebabkan kerosakan, termasuk melalui tuntutan insurans atau tindakan undang-undang?

19. YB PUAN NORHASLINDA BINTI ZAKARIA (PANGKOR)

Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan fasiliti dan prasarana di kawasan tumpuan pelancong bersifat mesra Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas, sejajar dengan dasar kebajikan dan kesaksamaan sosial yang inklusif?

Soalan 2: Sejauh manakah pandangan serta maklum balas daripada persatuan OKU dan wakil warga emas diambil kira dalam proses perancangan serta penambahbaikan kemudahan pelancongan di negeri ini?

20. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Berapakah projek infrastruktur di DUN Behrang yang mengalami kelewatan pelaksanaan dan apakah faktor utama yang menyebabkan kelewatan tersebut?

21. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Berapakah jumlah nelayan berlesen di Dun Trong, apakah bantuan kerajaan Negeri bagi nelayan berlesen dan bilakah kerajaan akan membuka semula permohonan lesen sampan kepada nelayan muda?

22. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

Tentang usaha kitar semula negeri Perak

a) Adakah usaha menggunakan mesin automatik kitar semula telah bermula di negeri Perak.

b) Apakah usaha sedang dan bakal dijalankan untuk merancakkan usaha kitar semula di negeri ini?

c) Apakah bantuan kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pelabur-pelabur industri kitar semula bertapak di negeri ini?

23. YB DR HASHIM BIN BUJANG (BUKIT CHANDAN)

Minta YB Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Tenaga dan Air menyatakan status terkini pembangunan Lebuhraya WISE bagi jajaran Persimpangan Gopeng hingga Kuala Kangsar, termasuk peratus kemajuan projek, jangkaan tarikh siap dan dibuka kepada pengguna, serta langkah-langkah Kerajaan Negeri bagi mengurangkan impak kesesakan di Jalan Persekutuan FT1 sepanjang tempoh pembinaan.

24. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah perancangan kerajaan negeri terhadap isu penambahan warga menua sebatang kara, tiada kebolehan menampung kehidupan dan tiada kebolehan menjaga diri?

Sila senaraikan NGO yang bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menangani isu warga menua.

25. YB ENCIK MOHD HAFEZ BIN SABRI (MANJOI)

HAIWAN BERKELIARAN

(a) Apakah usaha segera kerajaan bagi mencegah isu babi hutan yang masih berkeliaran dalam DUN Manjoi khususnya seperti di Jalan Berlian, Jalan Zamrud, Jalan Serindit, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 2, Kampung Dato Ahmad Said Tambahan 3 dan Kampung Sungai Kati ?

(b) Apakah langkah kerajaan terhadap gangguan anjing liar yang berkeliaran sehingga membahayakan nyawa penduduk yang berlaku dalam DUN Manjoi?

26. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERANG)

Pembukaan Zon Perindustrian baru dan peluang kerja

a) Sila nyatakan pelan strategik kerajaan untuk mewujudkan zon industri baru di kawasan DUN Chenderiang bagi menarik pelabur sektor pembuatan bernilai tinggi.

b) Sila nyatakan sasaran unjuran jumlah kemasukan pelaburan dan bilangan peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan khusus untuk penduduk tempatan dalam tempoh 3 tahun akan datang?

27. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Pada Jumaat 31 Julai 2026 berlaku sekali lagi banjir lumpur di Kg. Ulu Piol dan Kg. Suak Petai. 16 buah rumah terkesan dengan banjir tersebut. Jumlah air banyak dari lata ulu piol masuk ke sungai piol dan melimpah masuk ke rumah-rumah penduduk kampung berkenaan. Banjir tersebut dipercayai berpunca dari hilangnya kawasan tadahan air di kawasan Projek Ladang Siswa di Mukim Senggang di bawah Perbadanan Pembangunan Pertanian Perak (SADC).

a) Apakah usaha Jabatan Alam Sekitar untuk membuat penilaian semula Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) terhadap projek tersebut yang dilihat telah memberi impak terhadap alam sekitar?

b) Adakah kerajaan atau pihak SADC merancang untuk membina kawasan tadahan air di kawasan projek tersebut bagi mengurangkan limpahan air larian permukaan khususnya waktu hujan lebat?

28. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Pelancongan dan Kemudahan Awam

i) Apakah langkah yang telah diambil dan dalam perancangan bagi mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta dan kesesakan trafik di kawasan tumpuan pelancong serta zon warisan di Ipoh?

ii) Sejauh manakah pihak PBT meningkatkan pembersihan premis, pengurusan sampah, dan kemudahan tandas awam bagi memastikan imej Perak tidak terjejas di mata pelancong?

29. YB TUAN HAJI RAZMAN BIN ZAKARIA (GUNONG SEMANGGOL)

Kerian Intergrated Green Industrial Park (KIGIP)

a) Apakah status terkini pelaksanaan Pelan Induk Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP), khususnya kemajuan kerja-kerja perataan serta penambakan tanah (termasuk kerjasama dengan rakan strategik), pembinaan infrastruktur asas tenaga solar, serta penyediaan bekalan air terawat?

b) Berapakah jumlah unjuran pelaburan bernilai tinggi yang telah komited serta sasaran peluang pekerjaan berkemahiran tinggi (high-skilled jobs) yang bakal diwujudkan menerusi KIGIP khusus untuk anak tempatan daerah Kerian dan Perak Utara?

c) Apakah bentuk ketersediaan dan intervensi Kerajaan Negeri bersama institusi TVET tempatan (seperti ADTEC, Kolej Komuniti, dan GIATMARA) dalam merangka program latihan kemahiran sasar (targeted upskilling) bagi memastikan tenaga kerja tempatan diberi keutamaan untuk mengisi keperluan industri bernilai tinggi di KIGIP apabila ia mula beroperasi?

30. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

Terdapat beberapa lokasi yang dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi kemalangan akibat kehadiran haiwan liar, jalan raya yang mempunyai selekoh tajam, jalan berbengkok serta keadaan yang gelap pada waktu malam, khususnya ketika hujan menyebabkan timbulnya kerisauan dan telah menjadi tragedi nahas di sekitar laluan ini.

Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memasang lampu solar di lokasi-lokasi berikut bagi meningkatkan tahap keselamatan pengguna jalan raya?

Kampung Relang (selekoh)

Kampung Gudang (laluhan sawah padi ke penempatan penduduk)

Jalan Turun Bukit Ijok (jalan berliku)

Bukit Sumpitan (jalan berbukit & berliku)

Jalan Kota Raja Bersiong (selekoh)

Jalan Padang Das ke Batu 20

31. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Pengurusan Risiko Pokok Tua di Kawasan Perumahan dan Penyelarasan Sistem Amaran Awal Bencana di Negeri Perak

i) Apakah tindakan proaktif PBT (seperti MBI) dalam menjalankan audit keselamatan serta pemangkasan pokok tua berisiko di kawasan perumahan dan laluhan awam bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang semasa cuaca ekstrem?

ii) Sejauh manakah penyelarasan sistem Amaran Awal Bencana dilakukan antara PBT, Jawatankuasa Bencana, dan METMalaysia bagi memastikan amaran ribut disampaikan dengan pantas kepada penduduk tempatan?

32. YB DR MOHAMAD YUSRI BIN BAKIR (AYER KUNING)

Sistem Penyelenggaraan Lampu Jalan di Laluhan Berisiko Tinggi DUN Ayer Kuning Yang Menjejaskan Keselamatan Pengguna Jalan Raya

1. Berapakah jumlah aduan kerosakan lampu jalan yang diterima di kawasan DUN Ayer Kuning dalam tempoh tiga tahun terakhir?

2. Apakah mekanisme pemantauan yang digunakan bagi memastikan kerja penyelenggaraan lampu jalan dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan?

3. Berapakah jumlah peruntukan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri dalam Belanjawan akan datang bagi meningkatkan penyelenggaraan lampu jalan di kawasan berisiko?

33. YB ENCIK MOHAMAD FAKHRUDDIN BIN ABDUL AZIZ (KAMUNTING)

Masalah Infrastruktur di Kg Batu 5, Sg Relong

1. Apakah status terkini projek-projek menaik taraf prasarana di Kampung Batu 5, Sungai Relong, Kamunting yang sehingga kini masih belum disempurnakan

2. Bilakah kerajaan negeri akan memastikan semua kemudahan asas yang diperlukan oleh penduduk Kampung ini dapat disediakan sepenuhnya?

34. YB ENCIK MUHAMAD ARAFAT BIN VARISAI MAHAMAD (HULU KINTA)

Pembukaan jalan yang merupakan laluan alternatif dari Tanjung Rambutan ke laluan Persekutuan 1, Klebang masih belum selesai walaupun sudah lebih 6 tahun. Bilakah jangkaan pembukaan jalan tersebut?

35. YB PUAN WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

KES SCAMMER

(a) Apakah strategi Kerajaan Negeri bersama PDRM, MCMC, dan NSRC bagi memperluas kempen kesedaran penipuan siber (online scam) di peringkat akar umbi dan

(b) Apakah inisiatif dan modul khusus bagi memperkasakan literasi digital serta keselamatan siber dalam kalangan warga emas, pesara, dan komuniti setempat bagi mengelakkan kerugian kewangan?